

LAMPIRAN E

CONTOH PENGIRAAN PENGGUNAAN DANA TERKUMPUL BAGI TUJUAN PERNIAGAAN

CONTOH 1

Yayasan Nur Alaziz (YNA) merupakan sebuah organisasi yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 bagi tahun taksiran 2023 hingga tahun taksiran 2027.

Maklumat kewangan YNA adalah seperti berikut:

Tahun Kelulusan	Tahun Taksiran	Dana Terkumpul dibawa ke Hadapan RM (A)	Dana Terkumpul Digunakan untuk Tujuan Perniagaan RM (B)	Pendapatan Tahun Semasa RM (C)	Perbelanjaan Tahun Semasa RM (D)	Lebih Dana Tahun Semasa RM (E = C - D)	Dana Terkumpul dihantar ke Hadapan RM (F = A + E)
1	2023			200,000	124,600	75,400	75,400
2	2024	75,400	16,000	93,000	90,000	3,000	78,400
3	2025	78,400	27,000	99,900	92,000	7,900	86,300
4	2026	86,300	25,000	99,400	53,900	5,400	131,800
5	2027	131,800	20,000	100,600	97,000	3,600	135,400

Kelayakan pengecualian cukai YNA adalah seperti berikut:

Tahun Kelulusan	Tahun Taksiran	Peratus Penggunaan Dana Terkumpul untuk Tujuan Perniagaan *	Syarat Had Pendapatan Dibelanjakan bagi Aktiviti Objektif	Peratus Perbelanjaan Sebenar bagi Aktiviti Objektif untuk Tahun Semasa	Status Pematuhan Syarat-Syarat Lain **	Kelayakan Pengecualian Cukai
1	2023	Tiada	Tiada	Tiada	Patuh	Layak
2	2024	$\frac{16,000}{75,400} \times 100 = 21\%$	50%	$\frac{90,000}{200,000} \times 100 = 45\%$	Patuh	Tidak Layak
3	2025	$\frac{27,000}{78,400} \times 100 = 34\%$	60%	$\frac{92,000}{93,000} \times 100 = 99\%$	Tidak Patuh	Tidak Layak
4	2026	$\frac{25,000}{86,300} \times 100 = 30\%$	60%	$\frac{53,900}{99,900} \times 100 = 54\%$	Patuh	Tidak Layak
5	2027	$\frac{20,000}{131,800} \times 100 = 15\%$	50%	$\frac{97,000}{99,400} \times 100 = 98\%$	Patuh	Layak

* Ahli Lembaga Pengarah YNA telah meluluskan penggunaan dana terkumpul mengikut peratusan seperti di dalam jadual di atas.

** Syarat-syarat lain adalah merujuk kepada syarat yang ditetapkan dalam surat kelulusan dan garis panduan kelulusan KPHDN yang terkini.

YNA tidak layak mendapat pengecualian cukai bagi tahun-tahun taksiran 2024, 2025 dan 2026 di bawah subsubperenggan 13(1)(a) Jadual 6 ACP dalam tempoh kelulusan berkuat kuasa.

Dalam tempoh kelulusan berkuat kuasa, penderma kepada YNA masih menikmati potongan cukai di bawah subseksyen 44(6) ACP, terhad kepada 10% daripada pendapatan agregat. Walaupun YNA dikenakan cukai dalam tahun-tahun taksiran 2024, 2025 dan 2026, situasi ini tidak memberi kesan potongan cukai kepada penderma.